



## IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN BERTARAF TETAP/KONTRAK DI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mempelawa calon-calon **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan serta berumur 18 tahun pada tarikh tutup permohonan untuk mengisi kekosongan jawatan bertaraf tetap/kontrak seperti berikut:

JAWATAN / GRED	PENGKHUSUSAN / PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN
i. Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak)	<p><b>Pusat Temu Duga &amp; Penempatan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu Pejabat PTPTN, Kuala Lumpur</li> </ul> <p><b>Pengkhususan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penganalisis Data</li> </ul>
ii. Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 (Tetap/Kontrak)	<p><b>Pusat Temu Duga &amp; Penempatan (Tetap/Kontrak)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pejabat PTPTN Negeri (PPN) Kelantan</li> <li>Pejabat PTPTN Negeri (PPN) Kedah</li> <li>Pejabat PTPTN Negeri (PPN) Sabah</li> </ul> <p><b>Pengkhususan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pentadbiran/ Pengurusan/ Kewangan</li> </ul> <p><b>Pusat Temu Duga &amp; Penempatan (Kontrak)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu Pejabat PTPTN, Kuala Lumpur</li> </ul> <p><b>Pengkhususan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Teknologi Maklumat</li> <li>Pentadbiran/ Pengurusan/ Kewangan</li> <li>Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan</li> </ul>
iii. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 (Kontrak)	<p><b>Pusat Temu Duga &amp; Penempatan:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu Pejabat PTPTN, Kuala Lumpur</li> <li>Pejabat PTPTN Negeri (PPN) Johor</li> </ul> <p><b>Pengkhususan :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Khidmat Pelanggan / Pentadbiran/ Pengurusan/ Kewangan</li> </ul>

**SYARAT LANTIKAN :**

**I) PEGAWAI TADBIR GRED N41**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
**TARAF JAWATAN : KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*)**  
**PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN : IBU PEJABAT PTPTN, KUALA LUMPUR**  
**PENGKHUSUSAN : PENGANALISIS DATA**

**JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM (JGMM) :**

<b>GAJI MINIMUM (RM)</b>	<b>GAJI MAKSIMUM (RM)</b>
<b>2,080.00</b>	<b>9,546.00</b>

**SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau  
(ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43)

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada **peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf** dengannya oleh Kerajaan.

**KEUTAMAAN/PENGKHUSUSAN CALON :**

**I. PENGANALISIS DATA**

**A. Tugas Analisis dan Tafsiran Data:**

- i. Mengawasi dan mencari kaedah yang paling berkesan untuk mengumpulkan, mengurus dan menganalisis data untuk menyokong keperluan organisasi;
- ii. Melaksanakan analisis termasuk membuat pilihan data, pertanyaan, segmentasi data, analisis pemasaran dan mengemukakan dapatan yang akan/boleh menyokong keperluan organisasi;
- iii. Melakukan kaji selidik dan menganalisis tren aktiviti pendeposit untuk memahami sejauh mana prestasi terhadap produk dan perkhidmatan PTPTN

agar dapat membantu mengenal pasti skop dan bidang yang perlu ditambah baik;

- iv. Mengetahui, menganalisis, dan mentafsirkan trend atau corak dalam kumpulan data yang kompleks;
- v. Menyediakan laporan bulanan, mingguan dan ad hoc yang berfungsi kepada ketua unit/bahagian/jabatan dan organisasi; dan
- vi. Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif dan berkomitmen tinggi dalam melaksanakan tugas.

#### **B. Kualiti dan Kemahiran Individu:**

- i. Ijazah Sarjana Muda dalam Teknologi Maklumat, Pemasaran, Pentadbiran Perniagaan, Analisis Data dan / atau gabungan pengalaman industri yang setara;
- ii. Pengalaman minimum 3 tahun dengan analisis data, analisis pasaran, struktur pangkalan data dan / atau kemahiran menulis laporan diperlukan;
- iii. Berupaya untuk menghuraikan data dan membuat kesimpulan yang tepat bagi tujuan membantu organisasi membuat keputusan;
- iv. Kemahiran komunikasi dan persembahan yang baik adalah penting, sehingga maklumat yang sangat teknikal mampu diterjemahkan ke dalam istilah yang mudah difahami orang awam; dan
- v. Fleksibel, tahan tekanan dan mampu menyediakan laporan serta melakukan persembahan walaupun mempunyai jadual yang ketat.

### **II) PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**

**TARAF JAWATAN : TETAP/KONTRAK**

**PUSAT TEMU DUGA /  
PENEMPATAN &  
PENGKHUSUSAN : PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN  
(TETAP/KONTRAK)**

- PEJABAT PTPTN NEGERI (PPN) KELANTAN
  - PEJABAT PTPTN NEGERI (PPN) KEDAH
  - PEJABAT PTPTN NEGERI (PPN) SABAH
- PENGKHUSUSAN :**
- PENTADBIRAN/ PENGURUSAN/ KEWANGAN

**PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN  
(KONTRAK)**

- IBU PEJABAT PTPTN, KUALA LUMPUR
- PENGKHUSUSAN :**

- TEKNOLOGI MAKLUMAT
- PENTADBIRAN/ PENGURUSAN/ KEWANGAN
- KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

**JADUAL GAJI MINIMUM  
MAKSIMUM (JGMM)**

<b>GAJI MINIMUM (RM)</b>	<b>GAJI MAKSIMUM (RM)</b>
1,493.00	5,672.00

**SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada **peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf** dengannya oleh Kerajaan.

**KELAYAKAN SIJIL MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)  
BAGI TUJUAN PELANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Calon yang memiliki Sijil Matrikulasi KPM adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana di Gred 29 yang bersesuaian. **Gaji permulaan bagi kelayakan Sijil Matrikulasi KPM ditetapkan bersamaan dengan gaji minimum** dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum **skim perkhidmatan berkaitan**.

**KEUTAMAAN/PENGGHUSUSAN CALON :**

**a) TEKNOLOGI MAKLUMAT**

Memiliki kelulusan dalam bidang :

- Sains Komputer;
- Teknologi Maklumat; atau
- Kejuruteraan dalam bidang komputer / Kejuruteraan Komputer

Berpengalaman dan berkebolehan dalam :

- Mempunyai kemahiran dalam *Structured Query Language (SQL)*, *HyperText Markup Language (HTML)*, *Cascading Style Sheet (CSS)*, *Hypertext Preprocessor (PHP)*, *Java*, *Bootstrap* dan *Javascript*;

- Mempunyai kemahiran dalam pembangunan aplikasi dengan framework yang terkini seperti Laravel;
- Mempunyai kemahiran dalam mereka bentuk sistem atau aplikasi (*system or application designing*);
- Mempunyai kemahiran dalam pembangunan aplikasi dengan kaedah pelaksanaan DevOps;
- Mempunyai pengalaman atau penglibatan selama satu (1) hingga dua (2) tahun dalam pembangunan aplikasi web atau aplikasi mudah alih;
- Mempunyai kemahiran komunikasi dan pengurusan masa yang baik; dan
- Mempunyai kebolehan menyelesaikan masalah (*problem solving*) yang baik.

#### **b) PENTADBIRAN/ PENGURUSAN/ KEWANGAN**

Pengalaman/Kemahiran:

- Memiliki kelulusan dalam bidang Pentadbiran, Pengurusan atau Kewangan;
- Sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam bidang yang dinyatakan di atas; dan
- Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif dan berkomitmen tinggi dalam melaksanakan tugas.

#### **c) KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

- Pengalaman bekerja dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan sekurang-kurangnya satu (1) tahun;
- Memiliki Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau lulus peperiksaan *Safety And Health Officer (SHO)* ;
- Berkebolehan merancang serta menjaga keselamatan pekerjaan dan kesihatan kakitangan ketika berada di tempat kerja;
- Berkeyakinan tinggi dan boleh berkomunikasi dengan baik di hadapan khalayak ramai;
- Berkebolehan merancang, memantau dan menganalisis pematuhan keselamatan mengikut piawai undang-undang kerajaan di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP); serta
- Boleh melakukan peranan dalam membantu siasatan pihak JKKP dan menambah baik sistem keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

### **III) PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**

**TARAF JAWATAN : KONTRAK**

**PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN : • IBU PEJABAT PTPTN, KUALA LUMPUR  
• PEJABAT PTPTN NEGERI (PPN) JOHOR**

**PENGGHUSUSAN** : • **KHIDMAT PELANGGAN/ PENTADBIRAN/ PENGURUSAN/ KEWANGAN**

**JADUAL GAJI MINIMUM MAKSIMUM (JGMM)**

<b>GAJI MINIMUM (RM)</b>	<b>GAJI MAKSIMUM (RM)</b>
1,352.00	4,003.00

**SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau**

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau**

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).**

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada **peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf** dengannya oleh Kerajaan.

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (**online**) sebelum **11.59 malam, Ahad, 04 Februari 2024** di pautan (*link*) :

<https://eform.ptptn.gov.my/JawatanKosong/Utama.cfm>

**MAKLUMAT KHUSUS KEPADA CALON**

- (a) **E-MEL DAN NOMBOR TELEFON YANG MASIH AKTIF**  
Sila pastikan e-mel dan nombor telefon adalah aktif.

- (b) **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**  
Pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
- (c) **ARAHAN BERTUGAS DI IBU PEJABAT PTPTN / PEJABAT NEGERI PTPTN (PPN)**  
Pegawai boleh diarah berkhidmat di Jabatan/Bahagian di Ibu Pejabat PTPTN atau Pejabat Cawangan PTPTN seluruh negara.
- (d) **CATATAN AM**  
Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan jawatan dan urusan temu duga adalah atas tanggungjawab calon sendiri.